

10 KBAT cabar minda pelajar



Penerapan KBAT di peringkat sekolah sangat mustahak kerana pengajian di IPT memerlukan pemikiran kritikal dan kreatif, kemahiran penyelesaian masalah dan komunikasi secara berkesan."

NOOR AZLAN AHMAD ZANZALI
Pensyarah Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia (UTM)



Elemen KBAT ini sudah ada cuma belum dipraktikkan secara serius kerana pada ketika itu pelajar banyak menerima ajaran dan bimbingan daripada guru dan buku."

AB. RAHIM BAKAR
Dekan Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia (UPM)



PENDEKATAN KBAT membina ruang interaksi sesama pelajar bagi membincangkan sesuatu isu.

Lahir modal insan kreatif, inovatif dan kritis

Oleh AZMY MOHAMED

■ KUALA LUMPUR

KEMAHIRAN berfikir aras tinggi (KBAT) adalah satu daripada elemen penting untuk melahirkan modal insan yang berpengetahuan, inovatif dan kreatif dalam membantu memacu kemajuan negara.

Pensyarah Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof. Dr. Noor Azlan Ahmad Zanzali berkata, pelajar sejak di peringkat sekolah terutama sekolah menengah perlu dilatih dan diterapkan dengan elemen KBAT sebagai persediaan sebelum mereka memasuki institusi pengajian tinggi (IPT) sama ada di dalam mahupun di luar negara.

"Penerapan KBAT di peringkat sekolah di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 sangat mustahak kerana pengajian di IPT memerlukan pemikiran kritikal dan kreatif, kemahiran penyelesaian masalah dan komunikasi secara berkesan.

"Hal ini penting untuk melahirkan graduan yang memiliki keupayaan berfikir untuk membantu memacu kemajuan negara," katanya.

Menurut Noor Azlan, pelaksanaannya dalam sistem pendidikan di negara kita ketika ini adalah tepat pada masanya dan sejajar dengan trend dunia.

"Kemahiran berfikir adalah satu elemen asas dalam proses pembelajaran yang perlu diterapkan dalam diri setiap pelajar sejak dari peringkat awal.

"Mengajar matematik, misalnya, adalah mengajar satu cara berfikir. Jika matematik diajar tanpa melibatkankan satu sistem pemikiran maka itu sekadar mengajar aritmetik.

"Dalam subjek lain seperti sejarah, bukan hafalan data atau fakta yang diutamakan tetapi analisis berkaitan sesuatu peristiwa itu yang lebih penting," katanya.

Sementara itu, penekanan elemen KBAT dalam peperiksaan menyediakan pelajar lebih berketerampilan dan bersedia menghadapi cabaran pendidikan era masa depan.

Dekan Fakulti Pengajian Pendidikan Uni-



PENEGASAN praktikal elemen KBAT dalam pembelajaran akan mendorong pelajar berfikir sendiri secara luar kotak.

versiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Ab. Rahim Bakar berkata, pelaksanaan elemen ini amat penting bagi melahirkan individu masa depan yang berfikir tinggi dan dapat menyelesaikan masalah luar jangkaan.

"Sebelum ini, elemen KBAT ini sudah ada cuma belum dipraktikkan secara serius kerana pada ketika itu pelajar banyak menerima ajaran dan bimbingan daripada guru dan buku.

"Dengan penegasan praktikal elemen ini dalam pembelajaran dan soalan-soalan peperiksaan akan mendorong pelajar berfikir sendiri secara luar kotak, kreatif dan kritis," katanya.

Menurut beliau, pelajar yang didedahkan dengan KBAT secara berkesan akan mempunyai minda yang luas dan tidak lagi berfikir mengikut ajaran guru atau melalui buku sebaliknya lebih bersedia menghadapi cabaran baru.

Melalui KBAT, katanya, guru hanya akan bertindak sebagai rujukan atau fasilitator dan pelajar menggerakkan pembelajaran mereka mengikut teknologi maklumat semasa.

Menurut Ab. Rahim, proses pembelaja-

ran juga melalui perubahan seiring dengan perkembangan global yang berlaku, sesuai dengan matlamat Kementerian Pendidikan menyediakan pelajar abad ke-21.

"Ini akan menggalakkan pelajar meningkatkan penguasaan mereka terhadap pembelajaran, mereka terlibat melakukan analisis, kajian perbandingan sendiri, bukan melalui guru atau buku semata-mata.

"Pelajar akan bertindak sendiri, guru agihkan maklumat. Ini akan membantu pelajar menggunakan daya pemikiran mereka untuk menganalisis maklumat yang mereka terima.

"Keadaan ini membantu membuka minda pelajar untuk terbuka lebih luas untuk mentafsir dan menganalisis sesuatu persoalan itu secara kreatif berbanding hanya menerima maklumat atau jawapan daripada guru," ujar beliau.

Malah, katanya, pendekatan ini membina ruang interaksi sesama pelajar bagi membincangkan sesuatu isu atau persoalan memandangkan soalan KBAT memerlukan jawapan tepat sekali gus mendorong pelajar berfikir secara kritis.